



iLead Exploration

Lead Exploration merupakan satu program *explorace* yang ber-konsepkan *experiential and adventure learning* di mana ketahanan mental dan fizikal peserta diuji sepenuhnya di samping memupuk semangat kerja berpasukan, patriotisme, budaya hidup sihat dan mempromosikan program kerajaan negeri 'Discover Kedah 2016'.

Program anjuran INTAN Wilayah Utara ini telah berlangsung dengan jayanya pada 23 Ogos 2015. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB. Dato' Dr. Leong Yong Kong, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Hadir sama YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Timbalan Pengarah Kanan INTAN Malaysia.

Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sebanyak 35 pasukan dari pelbagai jabatan. Setiap pasukan terdiri daripada empat orang peserta di mana setiap pasukan perlu menggunakan kaedah *orienteering* melalui koordinat yang



Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin mengiringi ketibaan Dato' Dr. Leong Yong Kong

diberikan untuk sampai ke semua lapan *checkpoint*. Mereka juga perlu melakukan tugas di setiap



Pelepasan peserta

checkpoint. Antara tempat-tempat menarik yang dipilih sebagai *checkpoint* ialah Tanjung Dawai, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Sungai Semeling, Rumah Merdeka, Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, dan Muzium Padi.

Tempat pertama telah dimenangi oleh pasukan dari Mahkamah Persekutuan Malaysia, Putrajaya dan mereka membawa pulang wang tunai sebanyak RM 1000. Tempat kedua dimenangi oleh Pejabat Tanah Pendang (Team B) dengan hadiah wang tunai sebanyak RM 700 manakala hadiah di tempat ketiga berupa wang tunai sebanyak RM 500 dimenangi oleh pasukan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah. Setiap peserta turut diberikan sijil penyertaan kursus. Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj Noh bin Dahya, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (Pengurusan).

Program ini dapat memperkenalkan iLead-Park dan menggalakkan penjawat awam melibatkan diri dalam aktiviti kecergasan yang memberi manfaat kepada kesihatan, perpaduan dan budaya kerja berpasukan serta mempelajari sejarah yang berkaitan dengan negeri Kedah khususnya.

Festival i-FIT@IKWAS

Bertemakan 'Kecergasan Pemangkin Transformasi', Festival i-Fit kali ini telah diadakan di INTAN Wilayah Selatan (IKWAS) pada 14-16 Ogos 2015. menghimpunkan lapan kontinjen iaitu hampir 350 warga INTAN dari seluruh Malaysia. Antara objektif festival ini adalah untuk meningkatkan semangat kesukanan dan membudayakan kecergasan kepada warga INTAN serta menjadi medium untuk menghubungkan semua pegawai dan kakitangan INTAN dari seluruh Malaysia.

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Timbalan Pengarah Kanan INTAN. Manakala Majlis Perasmian Penutupan telah

disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Pengarah INTAN. Daripada 13 acara yang dipertandingkan, INTURA telah meraih johan dalam acara bola jaring dan naib johan bagi acara karom. Festival i-Fit tahun ini menyaksikan Kiara Point (Raging Panda) unggul sebagai johan keseluruhan manakala IKWAS (Southern Tigers) selaku tuan rumah di tempat kedua dan INTURA (Royal Falcons) terpaksa berpuas hati di tempat ketiga. Biarpun gagal mempertahankan takhta naib juara, namun INTURA telah memberikan saingan hebat dalam setiap acara. Tahniah kepada semua pemain dan semoga kejuaraan menjadi milik INTURA pada tahun hadapan di INTAN Sarawak.

How to Make Better, Faster Decisions

1. Be clear on what you are deciding.

A “decision statement” is a clear and accurate decision of the decision at hand. The most common mistake people make is that they frame their decisions too narrowly, often as an “either or” choice. For example, “Should I buy a new car?” offers only two choices – yes, or no. A way to expand this decision statement could be: “Which type of vehicle should I buy?” Or, to broaden it even more, it could be, “Decide on the best means of transportation.”

Always start with a decision making statement, and run it by a few others to make sure you’re asking the right question before you start evaluating options.

2. Decision criteria.

When you have the right criteria, it’s easier to evaluate alternatives. For example, for the car purchase decision, criteria could include cost, style, gas mileage, and safety. This is another opportunity to ask key stakeholders for criteria, especially if the outcome of the decision will impact others, or if you will need the support of others to implement.

3. Establish clear decisions roles.

The lack of clarity over who has ultimate decision authority, versus who should just provide input is probably the biggest single organizational decision making bottleneck. For complex, big decisions, involving multiple functions, regions, or partners, use the RAPID model (developed by Bain & Company). For big decisions, establish who is the:

R = Recommend: The person responsible for making the recommendation to gain approval for the decision.

A = Agree: Anyone who needs to agree with the decision. **Similar to an “I”, but with more power and influence.**

P = Perform: The person who actually has to carry out the decision (often left out of the decision, but stuck with the mess).

I = Input: Anyone who should give input to the decision.

D = Decide: The person with ultimate and final decision authority. There should only be one D, not multiple Ds or no D at all.

4. Clear your mind.

Most people think they can multitask, but when they do, they run the risk of making poor decisions. Big decisions require focus and clarity. “Mindfulness” is the new buzzword, and there is substantial research to show the importance of being present and focused when making decisions.

5. Review the decision with the “anti-you.”

A suggestion from organizational psychologist Nick Tasler. According to Tasler, “The vast majority of judgement errors can be eliminated by simply broadening our frame of reference. The quickest, easiest, and most effective way to do this is by consulting an ‘anti-you’ before you make a decision.” Another term used to describe “anti-yous” is “PNLUs,” or “people not like us.” Getting diverse perspectives will usually generate more innovative solutions

Extract from <http://www.about.com>

Bahan Bacaan Pilihan Bulan Ogos




Cabaran di tempat kerja membuatkan jiwa merana, fikiran terganggu, dan jasad menjadi lemah. Pekerja biasa, eksekutif dan orang atasan tidak terkecuali mengalaminya.

Buku ini dapat membantu menyelesaikan masalah dan mengurus konflik di tempat kerja dengan berkesan. Antaranya buku ini membantu mencapai kepuasan bekerja dan menukar cabaran menjadi peluang terbaik mengoptimalkan potensi hebat dalam diri seseorang.



Buku ini boleh digunakan oleh sesiapa sahaja yang ingin meningkatkan kemahiran interpersonal dan komunikasi mereka dengan mempengaruhi orang lain untuk berkongsi idea dan pandangan. Beberapa teknik didedahkan untuk mempengaruhi orang lain untuk berkongsi maklumat tersembunyi yang selama ini menjadi rahsia dan membebaskan. Kemahiran ini dapat memberi manfaat dalam situasi profesional dan peribadi setiap hari.



Buku ini menawarkan pelbagai idea kreatif yang boleh digunapakai oleh jurulatih dan fasilitator untuk meningkatkan kemahiran mereka.

Terdapat pelbagai faktor yang boleh diubah untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran termasuk: pengalaman dan kebijaksanaan; fasilitasi, amalan yang baik dan etika; persekitaran pembelajaran; aktiviti pembelajaran melalui pengalaman; dan bekerja dengan deria dan emosi.

SEKITAR iLEAD EXPLORATION



MAJLIS PELANCARAN



MUZIUM PADI



MUZIUM ARKEOLOGI



JETI SEMELING



RUMAH MERDEKA



TANJUNG DAWAI



RUMAH KELAHIRAN MAHATHIR



MALAM PENUTUP

i-FIT 2015@IKWAS



KUSYUK MENYAKSIKAN PERLAWANAN BADMINTON



PASUKAN BOLA JARING INTURA MUNCUL JUARA



ACARA VIP



SORAKAN SEMANGAT



KONTINJEN INTURA



PERSEMBAHAN MENARIK DARIPADA INTURA

Hadis Pilihan

Bermanis Muka Ketika Bertemu

Hadis

Daripada Abu Dzar RA katanya, Rasulullah SAW bersabda kepadaku, “Janganlah engkau anggap remeh apa-apa amalan yang baik walaupun kebaikan itu dengan sekadar menunjukkan muka yang manis semasa bertemu dengan saudaramu.”

(Hadith Riwayat Muslim)

Huraian

1. Islam itu mengambil berat tentang hal kebaikan,

walaupun sekecil mana amalan kebajikan dilakukan pasti akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT.

2. Umat Islam dilarang memandangi enteng perkara-perkara kebajikan walaupun sekadar senyum semasa bertemu dengan kawan-kawan dan saudara-saudara seagama, kerana senyuman itu juga akan mendapat balasan pahala.
3. Senyuman boleh menumbuhkan rasa cinta dan sayang antara yang bersaudara dan sesama manusia.

Sumber: JAKIM

Tahukah Anda



Sambutan Hari Kemerdekaan atau Kebangsaan pada tahun 2015 lebih menekankan kepada semangat kejiwaan dan bersatu hati rakyat Malaysia apabila Sehati Sejiwa dipilih sebagai

tema sambutan Hari Kemerdekaan tahun 2015. #sehatisejiwa mencerminkan roh kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat di negara ini selain melambangkan semangat kesepaduan yang dimiliki oleh semua rakyat tidak kira di mana mereka berada. Sebagai maklumat, mulai tahun 2015 sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tidak lagi disebut berdasarkan ulang tahun, sebaliknya mengikut tahun.

Sumber: www.mysumber.com

Kursus Sepanjang September 2015

KURSUS BERJADUAL

1. Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan
07/09/2015 hingga 10/09/2015
2. Bengkel Pengendalian Buku Rekod Perkhidmatan
07/09/2015 hingga 09/09/2015
3. Bengkel Penulisan Surat Rasmi dan Memo Berkualiti
07/09/2015 hingga 10/09/2015
4. Kursus Kecemerlangan Pasukan Pemandu
07/09/2015 hingga 10/09/2015
5. Bengkel KIK
07/09/2015 hingga 10/09/2015
6. Kursus Kecemerlangan Pasukan Organisasi/ Jabatan – SUK Pulau Pinang
24/09/2015 hingga 01/10/2015



1 Sentiasa Di Hadapan Memacu Transformasi Melalui Pembelajaran



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA
KAMPUS WILAYAH UTARA
PETI SURAT 94, JALAN KUALA KETIL
08007 SUNGAI PETANI, KEDAH
Tel : 04-4218321 Fax : 04-4214489

www.intanbk.intan.my/intura

maklumbalas@intura.intan.my

INTAN Kampus Wilayah Utara

SEMINAR/ KURSUS KHAS

1. Wacana Pemantapan Projek KIK 01/09/2015
2. INTAN Team Integration
04/09/2015 hingga 06/09/2015
3. Kursus Fail Meja (Teori) INTURA
13/09/2015 hingga 14/09/2015

Untuk pertanyaan kursus hubungi : **Setiausaha Kursus**

04-4218321

samb. **238** (En. Zamri b. Mohd Noor/Pn. Nazmeen bt. Shaik Daud)

samb. **118** (Pn. Mimi Noorzan bt. Abd Hamid/ Pn. Zuraida bt. Chin)